

# Abdullah sampaikan ucaptama Forum Ekonomi Dunia

Daripada AZNAN BAKAR

UM - 2015/2006

SHARM EL-SHEIKH (MESIR) 19 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucaptama bertajuk 'Pendidikan, Kewarganegaraan dan Budaya Keamanan' pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai Asia Barat di bandar peranginan di Laut Merah ini bermula esok.

Sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kehadiran Abdullah dilihat penting dalam menggariskan hala tuju Asia Barat terutama dalam menjadikan ia rantau yang makmur dengan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk.

Pengalaman dan kemampuan Malaysia menarik Pelaburan Terus Asing (FDI) dan keupayaan menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dijangka dapat dikongsi pada forum tiga hari itu.

Perdana Menteri yang diiringi beberapa menteri dan pegawai kanan kerajaan dijangka tiba di sini esok.

Pada sesi Ahad, beliau akan menyertai dan menyam-

paikan ucapan pada sidang pleno bertajuk 'Memperkuatkan Dialog'.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan rasmi dan tidak rasmi dengan beberapa pemimpin yang hadir pada forum itu.

Selain Abdullah, pemimpin lain yang dijadualkan hadir pada forum itu ialah Presiden Lebanon, Emile Lahoud; Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz; Presiden Palestin, Mahmoud Abbas dan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan.

Forum tiga hari itu dihadiri oleh 1,200 orang terdiri daripada pemimpin negara, tokoh perniagaan dan pegawai kanan kerajaan daripada 46 negara.

Ia bertemakan 'Janji Generasi Baru' dan bertujuan mencari penyelesaian kepada pelbagai konflik di Asia Barat selain persediaan untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah wilayah yang makmur dan aman.

Sementara itu, para pemerhati berpendapat WEF mengenai Asia Barat di Sharm El-Sheikh yang juga digelar sebagai bandar aman akan melihat peranan perdagangan sebagai enjin untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan perlunya para pemimpin bekerja sama untuk kestabilan

dan keamanan.

Sehubungan itu mereka berpendapat, peserta forum akan membincangkan pelbagai isu termasuk agenda perdagangan global selari dengan perubahan yang mula berlaku di rantau ini sama ada dari segi ekonomi, pendemokrasian dan pembangunan manusia.

Sementara itu, walaupun Sharm El-Sheikh digelar bandar aman namun kawalan keselamatan di sekitar bandar ini telah diperketatkan ekoran kebimbangan pihak berkuasa akan serangan pengganas.

Langkah itu diambil ekoran berlakunya beberapa siri serangan bom di bandar peranginan di Laut Merah ini tidak lama dulu yang mengorbankan banyak nyawa terutama pelancong Barat.

Sepanjang jalan ke hotel penginapan delegasi dan pusat konvensyen dipenuhi dengan sekatan jalan yang dikendalikan oleh anggota polis dan tentera yang lengkap bersenjata.

Malah keluar dan masuk ke hotel, para peserta termasuk wartawan perlu melalui alat pengimbas sebagai langkah keselamatan.